

154527

19/6

4000008655



KESAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) TERHADAP  
PELAJAR MATEMATIK

KALA SUBRAMANIAM

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS DENGAN KEPUJIAN

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI  
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

April 2006



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penerimaan pelajar terhadap perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), mengeksplorasi kegunaan analisis faktor dalam mengklasifikasikan kesan ICT terhadap budaya sosial para pelajar program Matematik Dengan Ekonomi dan untuk mengkaji perbezaan antara kesan positif dan negatif penggunaan ICT mengikut jantina. Seramai 156 orang pelajar program Matematik Dengan Ekonomi iaitu sebanyak 55.4% daripada populasi kajian telah memberi maklumbalas terhadap soal selidik yang dikemukakan. Analisis faktor digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet, kesan positif dan kesan negatif ICT ke atas pelajar-pelajar. MANOVA pula digunakan untuk mengkaji perbezaan jantina antara kesan-kesan positif dan negatif. Hasil kajian mendapat terdapat 3 faktor utama yang mempengaruhi penggunaan ICT iaitu penggunaan internet untuk aktiviti sosial, mendapatkan maklumat tambahan dan untuk tujuan menimba ilmu; kesan positif penggunaan ICT terdiri daripada 2 faktor iaitu ICT dapat meningkatkan kecekapan menggunakan komputer dan ICT dapat meningkatkan kemahiran berinteraksi serta menguasai *word processing*; dan kesan negatif ICT merangkumi 2 faktor iaitu ICT menyebabkan pengabaian bersosial dan aktiviti luaran serta ICT menyebabkan tingkah laku negatif. Hasil analisis MANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara kesan-kesan positif penggunaan ICT mengikut jantina dan tahun pengajian; tidak terdapat perbezaan antara kesan-kesan negatif penggunaan ICT mengikut jantina kecuali ketagih untuk meneroka laman negatif dan tidak terdapat perbezaan antara kesan-kesan negatif penggunaan ICT mengikut tahun pengajian.